

## BAB V

### KESIMPULAN DAN SARAN

#### A. KESIMPULAN

Dari pembahasan pada bab sebelumnya, setelah mengurai dan menjelaskan secara panjang lebar tentang pemikiran agama dan politik di Malaysia antara Nik Abdul Aziz Nik Mat (PAS) dan Mahathir Mohamed (UMNO), maka dapat dirumuskan kesimpulannya yaitu:

1. Hubungan agama dan politik menurut Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Mahathir Mohamed. Polemik antara Mahathir dan Nik Aziz pada hakikatnya adalah merupakan pertembungan antara dua nilai yang bertolak dari dua asas berfikir yang berbeza, Islam dan Barat. Nik Aziz menyuarakan nilai-nilai Islam dan Mahathir pembawa nilai-nilai Barat. Mahathir berusaha melihat Islam lebih dari perspektif rasional. Sementara itu, Nik Aziz pula tergolong dalam aliran pemikiran politik yang berpendirian bahawa Islam bukanlah agama sebagaimana dalam pengertian Barat, iaitu hanya mengatur hubungan manusia dengan Tuhan sahaja. Sebaliknya, Islam merupakan agama yang sempurna, yang mengatur segala aspek kehidupan manusia, termasuk kehidupan bernegara.
2. Analisis komparatif terhadap pandangan Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Mahathir Mohamed. Nik Abdul Aziz dan Mahathir masing-masing mempunyai pandangan berbeda tentang pandangan mereka tentang

pelaksanaan hudud dan syariat, konsep negara Islam, dan pembangunan ekonomi dan social. Pertama, pemikiran Mahathir tentang pelaksanaan hudud dan syariat adalah berbeda dengan pemikiran Nik Aziz. Mahathir berpandangan bahawa undang-undang Islam tidak boleh kaku, sebaliknya harus disesuaikan dengan perubahan masa dan tempat. Menurut Nik Aziz pula, tanpa ada adanya pemahaman dan upaya pelaksanaan hukum Islam tersebut, maka dasar-dasar pemerintahan itu tidak selaras dengan landasan Islam. Kedua tentang konsep negara Islam. Mahathir menyifatkan pemimpin Pas suka bercakap dalam `dua bahasa' mengenai konsep negara Islam dan mengelirukan masyarakat di negara ini semata-mata bagi mendapatkan sokongan. Menurut Nik Aziz pula, sesungguhnya negara Islam yang diinginkan oleh Nik Aziz adalah bersesuaian dengan apa yang dijelaskan di dalam al-Quran dan dipraktikkan dalam kehidupan Rasul SAW serta para Khulafah al Rasyidin. Ketiga mengenai pembangunan dan ekonomi. Tanggapan dan pandangan Nik Aziz dalam ekonomi termasuk definisi ekonomi, konsep pembangunan, konsep dan pembasmian kemiskinan menepati dengan apa yang diutarakan oleh ahli-ahli ekonomi Islam. Menurut Mahathir pula falsafah pembangunan haruslah dijana dari dalam, manakala sumbernya bolehlah didatangkan dari luar dan bukan sebaliknya.

#### Hak Cipta Dilindungi Undang-Undang

1. Dilarang mengutip sebagian atau seluruh karya tulis ini tanpa mencantumkan dan menyebutkan sumber:
  - a. Pengutipan hanya untuk kepentingan pendidikan, penelitian, penulisan karya ilmiah, penyusunan laporan, penulisan kritik atau tinjauan suatu masalah.
  - b. Pengutipan tidak merugikan kepentingan yang wajar UIN Suska Riau.
2. Dilarang mengumumkan dan memperbanyak sebagian atau seluruh karya tulis ini dalam bentuk apapun tanpa izin UIN Suska Riau.



## B. SARAN

Sebagai seorang muslim amat wajar sekali kita meneliti sejarah praktik negara Islam yang telah ditunjukkan oleh Rasul SAW dan para khulafa Ar-Rasyidun serta khalifah berpengaruh seperti Umar Abdul Aziz dalam melaksanakan pemerintahan dalam negara Islam.

Kita perlu yakin bahwa Islam mampu menunjuki manusia dalam menjalani hidup di dunia dan akhirat. Segala urusan di dunia ini sekiranya diadakan dengan acuan al-Quran dan al-Sunnah ia pasti akan mendapat bantuan dan pertolongan dari Allah SWT. Al-Quran wajar dijadikan panduan dalam segala urusan di dunia.

Setiap muslim harus ada keazaman yang tinggi dalam diri untuk melihat negara Islam tertegak dalam negara. Pelaksanaan syariat Allah mampu menyelesaikan segala bentuk permasalahan manusia. Keyakinan ini perlu dibuktikan dengan tindakan dan mohon pertolongan Allah SWT.

### Hak Cipta Dilindungi Undang-Undang

1. Dilarang mengutip sebagian atau seluruh karya tulis ini tanpa mencantumkan dan menyebutkan sumber:
  - a. Pengutipan hanya untuk kepentingan pendidikan, penelitian, penulisan karya ilmiah, penyusunan laporan, penulisan kritik atau tinjauan suatu masalah.
  - b. Pengutipan tidak merugikan kepentingan yang wajar UIN Suska Riau.
2. Dilarang mengumumkan dan memperbanyak sebagian atau seluruh karya tulis ini dalam bentuk apapun tanpa izin UIN Suska Riau.